

Dua masalah besar negara Asean: Dr M

KUALA LUMPUR, Selasa — Keadaan politik yang tidak stabil di Indochina dan kesan zaman meleset sedunia adalah dua masalah besar yang dihadapi oleh ASEAN hari ini, demikian jelas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Keadaan tidak stabil dan tidak tentu di Indochina yang diakibatkan oleh kehadiran tentera Vietnam di sempadan Thai-Kampuchea bukan sahaja menimbulkan masalah orang pelarian tetapi juga boleh memburukkan lagi keadaan.

Manakala ancaman zaman meleset pula wujud dari tindakan negara-negara maju melaksanakan polisi pengawalan yang memberi kesan ke atas eksport negara-negara membangun serta mengganggu

usaha-usaha perindustriannya.

Berucap di simposium kelima ASEAN-Jepun di sini hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir melahirkan rasa sukacitanya kerana kedua-dua masalah tersebut dapat dihadapi oleh ASEAN melalui semangat kerjasama serantau yang berkesan.

Katanya, atas kesedaran inilah ASEAN terus berusaha mencapai konsep ZOPAN di samping menghindari kuasa-kuasa besar campuran tangan di rantau ini.

"Kerana ini jugalah ASEAN mengadakan hubungan diplomasi dengan negara-negara Indochina bagi menyediakan hubungan kerjasama ke arah mewujudkan rantau yang stabil," ujarnya.

Bagaimanapun, tambahnya, harapan ASEAN lenyap apabila Vietnam menduduki

Kampuchea dengan bantuan dari Soviet Union.

"Pendudukan tentera Vietnam di Kampuchea bukan sahaja melanggar undang-undang antarabangsa dan piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi juga menghalang langkah ASEAN mengadakan kerjasama dengan Vietnam," tambah beliau.

Perdana Menteri selanjutnya mengingatkan penyelesaian segera masalah Kampuchea adalah perlu dan bagi ASEAN penyelesaiannya mestilah berlandaskan resolusi Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea (ICK) Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Bagi ASEAN, kehadiran tentera-tentera Vietnam di Kampuchea lambat-laun menyebabkan persaingan dan penguasaan kuasa-kuasa besar yang akibatnya menyebabkan

rantau ini tidak stabil. "Sebab itulah penyelesaian Kampuchea mesti digerakan kerana bukan sahaja penting bagi ASEAN tetapi juga Vietnam," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, keadaan politik di Asia Tenggara secara langsung atau tidak memberi kesan ke atas kepentingan ekonomi Jepun.

Sehubungan ini, Perdana Menteri mengalu-alukan langkah Jepun membantu ASEAN terutamanya melalui Bantuan Pembangunan Luar Negeri (ODA) yang membiayai projek-projek perindustrian di ASEAN.

Menyentuh perdagangan, Perdana Menteri mengingatkan, walaupun nilai perdagangan Jepun-ASEAN meningkat tetapi cuma tujuh peratus sahaja hasil pengeluaran ASEAN yang diekspori ke Jepun.